

30/06/1998

KPB dapat jelaskan 80 peratus hutang

KONSORTIUM Perkapalan Bhd (KPB) berjaya menjelaskan sehingga 80 peratus daripada hutangnya dengan menggunakan hasil penjualan keseluruhan modal terbitan dan berbayar dalam PNSL Ltd miliknya pada pertimbangan tunai RM209 juta kepada Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC).

KPB dapat mengurangkan jumlah pinjaman syarikat kepada AS\$50 juta daripada AS\$230 juta.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan (KPB), Mirzan Mahathir, berkata perolehan daripada penjualan itu dapat mengurangkan pinjaman dan memenuhi komitmen modal KPB.

"Kami memerlukan sebahagian daripada perolehan untuk membiayai perbelanjaan modal," katanya selepas mesyuarat agung tahunan KPB di Petaling Jaya, semalam.

Mirzan berkata, menerusi urus niaga itu, KPB dapat memberi tumpuan kepada perniagaan logistik menyeluruh dan terus mengendalikan komponen logistik darat serta mempertingkatkan pergerakan inventori pelanggan.

Menurutnya, dengan pengurangan nisbah hutang ekuiti yang banyak, KPB dapat meneruskan usaha membina rangkaian logistik di seluruh negara.

Ditanya adakah KPB menghadapi sebarang masalah berhubung jumlah pungutan bayaran daripada pelanggannya, Mirzan berkata: "Pelanggan KPB yang kebanyakannya terdiri daripada syarikat multinasional masih lagi menjadi pembayar utama kepada KPB," katanya.

Menurutnya, KPB masih yakin dengan industri logistik secara keseluruhannya di negara ini dan merancang beberapa pendekatan termasuk menyatukan semua perniagaan kontena logistik dan menawarkan perkhidmatan pada asas serantau.

"KPB turut melihat kepada penyediaan perkhidmatan logistik auto kerana kami mempunyai kepakaran dalam bidang ini," katanya.

Mirzan berkata, dengan dana yang terhad KPB perlu menentukan arah pelaburan dengan lebih berhemat dan hasil daripada jualan akan digunakan untuk membiayai modal perbelanjaan.

"KPB perlu lebih berhemat dalam mengawasi aliran kos bagi memastikan perniagaan terus kukuh," katanya.

Menurutnya, perniagaan logistik darat KPB terus menunjukkan potensi menggalakkan kerana pelanggannya yang terdiri daripada syarikat multinasional besar yang mengimport komponen dan barangan separuh siap dan mengeksport produk dalam jumlah yang besar.

(END)